



Experts

## **Dalam Diam Mereka Berbicara: Mendengar Suara Anak Autisme**

29 December 2025

Suasana masyarakat yang kompleks dengan pelbagai rangkaian bunyi dan interaksi sosial, suara kanak-kanak dengan autisme sering terpinggir bukan kerana ketiadaan keinginan untuk berkomunikasi, tetapi disebabkan oleh perbezaan dalam mod komunikasi berbanding norma konvensional. Autisme merupakan satu variasi perkembangan neurologi yang mempengaruhi cara individu memahami, memproses, dan mengekspresikan pengalaman hidup. Tingkah laku yang lazim disalah tafsir sebagai 'diam', 'pasif', atau 'sukar difahami' sebenarnya mengandungi mesej, emosi, dan keperluan yang signifikan. Justeru, usaha untuk mendengar suara mereka menuntut perubahan paradigma daripada menilai komunikasi secara eksklusif melalui bahasa lisan kepada interpretasi makna yang tersirat dalam tingkah laku, rutin, dan ekspresi bukan verbal.

Kanak-kanak dengan autisme lazimnya menghadapi cabaran dalam komunikasi lisan, interaksi sosial, dan pemahaman isyarat bukan verbal. Namun, cabaran ini tidak bermaksud mereka tidak berkomunikasi. Sebaliknya, mereka sering menggunakan kaedah alternatif seperti gerak tubuh, ekspresi wajah, lukisan, susunan objek, minat khusus, atau perubahan tingkah laku untuk menyampaikan perasaan. Sebagai contoh, kegelisahan di persekitaran yang bising bukanlah isu disiplin, tetapi petunjuk keletihan sensori. Begitu juga, kebergantungan kepada rutin harian bukan tanda keengganan berubah, tetapi strategi untuk menenangkan diri dan memahami dunia yang dirasakan tidak menentu. Dalam konteks ini, tingkah laku berfungsi sebagai bahasa yang perlu difahami, bukan dihukum.

Jurang kefahaman masyarakat sering menjadi punca utama cabaran ini. Sistem sosial dan pendidikan yang berasaskan norma tipikal seperti keperluan bertutur dengan lancar, memberi respons pantas, dan mematuhi struktur sosial tertentu, cenderung meminggirkan individu yang berbeza. Akibatnya, suara kanak-kanak dengan autisme terpinggir bukan kerana mereka tiada mesej untuk disampaikan, tetapi kerana persekitaran gagal menyediakan ruang komunikasi yang sesuai. Oleh itu, konsep inklusiviti tidak boleh terbatas kepada kehadiran fizikal semata-mata, sebaliknya perlu diterjemahkan melalui kesediaan menyesuaikan pendekatan komunikasi dan interaksi.

Dalam konteks keluarga, ibu bapa dan penjaga memainkan peranan sebagai penterjemah awal kepada suara anak autisme. Mereka yang paling dekat dengan anak lazimnya memahami corak tingkah laku, pencetus emosi, dan cara anak menyatakan keperluan. Sokongan yang konsisten, penuh kesabaran, dan berasaskan empati membantu anak memahami bahawa usaha mereka untuk berkomunikasi, walaupun tidak mengikut norma biasa, dihargai dan bermakna. Hubungan yang selamat ini membina keyakinan diri dan menjadi asas kepada perkembangan komunikasi yang lebih berkesan dalam jangka panjang.

Sekolah yang berperanan mendengar suara anak autism, memerlukan perubahan dalam pendekatan pedagogi. Guru perlu menafsir tingkah laku sebagai maklumat penting, bukan gangguan kepada proses pembelajaran. Penggunaan bahan visual, struktur rutin yang jelas, pilihan komunikasi alternatif, dan pembelajaran berasaskan minat dapat membantu murid autisme mengekspresikan diri dengan lebih yakin. Apabila guru memberi masa yang mencukupi untuk respons dan menghormati gaya komunikasi yang berbeza, bilik darjah akan menjadi ruang yang lebih adil dan menyokong. Pada masa yang sama, rakan sebaya turut mempelajari nilai empati, toleransi, dan kerjasama, sekali gus membentuk budaya sekolah yang inklusif.

Peranan masyarakat juga tidak kurang pentingnya. Penerimaan sosial di luar persekitaran sekolah seperti di taman permainan, pengangkutan awam, pusat komuniti, dan ruang awam yang akan menentukan sejauh mana anak autisme dapat berfungsi dengan yakin dalam kehidupan seharian. Stigma dan salah faham sering menjadi penghalang utama, manakala kefahaman dan kesabaran membuka peluang kepada interaksi yang lebih bermakna. Masyarakat yang bersedia memperlahankan tempo, memberi ruang, dan berkomunikasi dengan hormat sebenarnya sedang membantu suara anak autisme untuk muncul tanpa rasa takut atau tertekan.

Mendengar suara anak autisme juga bermaksud mengiktiraf hak mereka untuk menentukan hala tuju masa depan sendiri. Seiring peningkatan usia, sokongan perlu beralih daripada perlindungan berlebihan kepada pemerksaan. Anak autisme perlu dibantu mengenal kekuatan, minat, dan potensi diri sama ada dalam bidang berstruktur, teknologi, seni visual, atau kemahiran tertentu. Apabila peluang pendidikan dan latihan disesuaikan dengan kekuatan ini, mereka bukan sahaja mampu berdikari, malah berupaya menyumbang secara bermakna kepada masyarakat.

Anak autisme, 'diam' mereka bukanlah lawan kepada 'suara'. Bagi insan istimewa ini, diam sering sarat dengan makna yang menunggu untuk difahami melalui pendekatan yang tepat. Mendengar suara mereka memerlukan kesediaan untuk belajar, menyesuaikan diri, dan merendahkan

kepercayaan kita tentang apa itu komunikasi yang “normal”. Apabila kita benar-benar mendengar dengan mata, hati, dan kesabaran, kita bukan sahaja membantu anak autisme berkembang sebagai individu yang bermaruah dan berkeupayaan, malah turut memperkayakan nilai kemanusiaan kita sendiri. Dalam dunia yang menghargai kepelbagaian cara berfikir dan berkomunikasi, setiap suara, termasuk yang terucap dalam diam, wajar diberi tempat.



Oleh: Halizan Mohmood  
E-mel: [izan@umpsa.edu.my](mailto:izan@umpsa.edu.my)

Penulis adalah Pengurus Pusat Sains Matematik (PSM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).